

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Isnin, 12 Januari 2015

Gajet berupaya tingkat literasi rakyat

13 Januari 2015 12:11 AM

KANGAR 12 Jan. – Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (**gambar**) bertitah penubuhan Perpustakaan Bestari Samsung di negeri itu membuktikan bahawa peralatan elektronik dan gajet yang kini berkembang pesat, jika digabungkan akan berupaya meningkatkan literasi dan sifat mencintai ilmu dalam kalangan rakyat.

Baginda bertitah, ia bukan sahaja melengkapi keperluan rakyat dalam menikmati pembaharuan pusat maklumat yang canggih dan interaktif malahan mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat oleh semua golongan.

“Pembelajaran dan teknologi sebenarnya tidak dapat dipisahkan. Tambahan pula Internet kini telah menjadi salah satu sumber pencarian maklumat popular,” titah baginda semasa berucap merasmikan Perpustakaan Bestari Samsung di Perpustakaan Awam Negeri Perlis di sini, hari ini.

Berkenan berangkat Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad dan Pengarah Perhubungan Korporat Samsung Malaysia Electronics Sdn. Bhd., Roh Jae Yeol.

Baginda seterusnya bertitah, teknologi gajet seperti peralatan telekomunikasi Samsung yang moden dan mesra pengguna membantu kepada perkembangan pencarian ilmu.

Titah baginda, sehubungan itu, pihak yang berkenaan perlulah memastikan usaha mempromosikan perkhidmatan tersebut dilaksanakan secara berterusan.

“Adalah satu pembaziran jika perkhidmatan yang tersedia tidak digunakan semaksimum mungkin. Perpustakaan Bestari Samsung ini memberi makna bagi sebuah negeri yang kian membangun seperti Perlis terutamanya dalam bidang pendidikan,” titah baginda.

Titah baginda lagi, konsep perpustakaan yang direka khas itu juga diharap mampu menarik minat pelajar dan menggalakkan proses pembelajaran secara efektif seperti di Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Pauh Putra yang turut menyediakan capaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).